Ular sawa ditemui di UUM

BH 18/7/05 B7:3.

SEEKOR ular sawa sepanjang lima meter dan seberat 60 kilogram yang ditemui menyusur berhampiran kawasan kediaman pegawai kanan Universiti Utara Malaysia (UUM), ditangkap, malam kelmarin.

Ular itu yang melintas jalan di Persiaran Naib Canselor berhampiran kediaman yang menempatkan kuarters pegawai pengurusan termasuk kediaman Naib Canselor ditangkap lima kakitangan keselamatan universiti itu, kira-kira jam 9.30 malam.

Pegawai Unit Keselamatan UUM, Omar Hashim, 46, berkata ular sawa batik itu ditemui seorang penjaga tangki air, Abdul Kadir, yang mahu membuat pemeriksaan paras tangki air kawasan itu selepas pencucian dilakukan, petang kelmarin.

Ular itu diserahkan kepada Taman Ular dan Reptilia, Sungai Batu Pahat, Perlis, kira-kira jam 10 pagi semalam.

UUM/BB469/BH/18.07.2005/P: B7 (3).